



**YUSERRIE ZAINUDDIN** (dua dari kiri) melihat buku program Anugerah Tokoh Siswa 2015 selepas menghadiri Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Awam di UMP, Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI

## UMP tuan rumah Majlis Anugerah Tokoh Siswa

**KUANTAN 22 April** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi tuan rumah penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 anjuran Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Majlis yang bakal berlangsung malam esok di Kompleks Sukan UMP, Gambang di sini itu akan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Yang dijangka hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof. Dr. Asma Ismail dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib.

Pertandingan itu memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu serta persatuan atau kelab dan menetengahkan potensi mahasiswa daripada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti untuk menjadi insan yang cemerlang dan holistik.

Penganjuran kali ketiga itu mempertandingkan 19 anugerah membabitkan dua kategori iaitu kepimpinan dan kesukarelaan.

Sembilan anugerah bagi kategori kepimpinan melibatkan Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik, Anugerah Pem-

impin Kelab/Persatuan Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik, Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik, Anugerah Pemimpin Pengucapan Awam Terbaik, Anugerah Pemimpin Kepimpinan Terbaik (Terbuka) dan Anugerah Pemimpin Harapan.

Bagi kategori kesukarelaan, tujuh anugerah dipertandingkan iaitu Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik, Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik, Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik, Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik, Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik dan Anugerah Sukarelawan Harapan.

Dua anugerah lain adalah Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dan Tokoh Sukarelawan Siswa manakala anugerah tertinggi adalah Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berharap majlis itu dapat berjalan dalam suasana yang cukup meriah apabila semua tokoh mahasiswa terbaik berkumpul dan diraikan.

“UMP juga menjadi tumpuan apabila Mesyuarat Sekretariat

Timbalan-Timbalan Naib Canselor/ Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Awam kali ke-199 turut diadakan di universiti ini bermula hari ini. Beberapa siri mesyuarat penyelarasan bersama pihak Bahagian Pembangunan Mahasiswa juga dijalankan dalam memastikan kelancaran majlis,” katanya.

Mahasiswa UMP, **Royzaib Sugian Bambang Sugian**, 23, yang mengikuti pengajian Sarjana Muda (Keupujian) Sains Gunaan Teknologi Bahan berkata, dia yang dicalonkan dalam kategori Pemimpin Badan Beruniform Terbaik gembira mewakili universiti berkenaan namun tidak menaruh harapan yang tinggi untuk menang.

Penuntut pengajian Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama di Universiti Putra Malaysia (UPM), **Ling Tian Wong**, 24, berkata, pengalaman menghadiri sesi temuduga pemilihan untuk kategori Sukarelawan (Terbuka) Terbaik pada kali ini merupakan sesuatu yang begitu berharga baginya.

Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengikuti pengajian Pengurusan, **Siti Zurianah Ismail**, 24, berkata, penglibatannya dalam program kesukarelaan bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) memberi peluang kepadanya untuk dicalonkan bagi kategori Sukarelawan (Terbuka) Terbaik.